

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK KOH NAI KWONG
(ALOR GAJAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.05.2016

Y.B. DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kementerian akan merombak semula pemberian bantuan kematian daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau KWSP kepada waris pencarum yang telah meninggal dunia kepada penjaga atau waris ahli KWSP.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 58, Akta KWSP 1991 memperuntukkan Lembaga mempunyai budi bicara untuk memberi Bantuan Kematian sebanyak RM2,500. Berdasarkan kepada Peraturan semasa, waris terdekat ahli adalah berhak untuk mendapatkan Bantuan Kematian sejumlah RM2,500 dalam tempoh

enam bulan selepas kematian ahli. Bantuan Kematian ini adalah untuk membantu waris ahli bagi menampung sebahagian perbelanjaan pengkebumian ahli (si mati).

Wang ini adalah daripada sumber pendapatan yang dijana melalui pelaburan caruman-caruman yang diterima oleh KWSP. Bilangan Bantuan Kematian setakat 31 Disember 2015 adalah sebanyak 17,201 dengan nilai yang telah dibayar berjumlah RM43 juta.

Untuk makluman Yang Di-pertua dan Ahli Yang berhormat juga, KWSP tidak bercadang untuk mengkaji semula amaun Bantuan Kematian ini, memandangkan ianya adalah berasaskan kepada sumber pelaburan yang sepatutnya dinikmati oleh ahli-ahli KWSP dalam bentuk dividen tahunan. Sebarang peningkatan amaun Bantuan Kematian akan memberi kesan kepada jumlah sebenar dividen yang sepatutnya diagihkan kepada ahli.